

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	25 JAN 2015

# Najib lawat kolej alumni

» *PM rasmi  
Pusat Sains  
Razak  
di Malvern  
College, UK*

h London

**D**atuk Seri Najib Razak bakal mengimbau kembali kenangan masa lalu apabila mengunjungi kolej lamanya, Malvern College di Worcestershire untuk merasmikan Pusat Sains Razak, di sini, esok.

Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke United Kingdom (UK), Datuk Ahmad Rasidi Hazizi, berkata Perdana Menteri melanjutkan pelajaran peringkat menengah di ko-

lej berkenaan dari tahun 1968 hingga tahun 1971.

## **PM dan adik bekas pelajar**

"Sebagai penuntut lama Malvernian, Perdana Menteri mempunyai kenangan indah dengan kolej itu," katanya kepada media Malaysia di sini, semalam.

Selain Najib, adiknya Datuk Johari turut belajar di kolej itu.

Kolej berkenaan merupakan sekolah berasrama dan juga sekolah harian yang diasaskan pada

tahun 1865, antara sekolah perendirian utama di UK.

"Kolej Malvern sangat berbangga dengan kejayaan seorang daripada bekas penuntutnya sehingga menjadi Perdana Menteri Malaysia dan memiliki personaliti terhormat sebagai alumninya," kata Ahmad Rasidi.

Beliau berkata, Perdana Menteri diberi penghormatan untuk merasmikan pusat sains itu yang diberi nama sempena namanya (dalam budaya Barat, Najib ketika

itu dikenali sebagai Mr Razak).

Pusat berkenaan mempunyai 18 buah makmal canggih, termasuk makmal pameran dan bilik persediaan tambahan.

Worcestershire terletak kira-kira dua jam setengah pemanduan dari London dan Najib dijadual menggunakan jalan raya untuk ke bekas kolejnya itu.

Perdana Menteri tiba di sini hari ini dari Riyadh selepas menghadiri majlis pemakaman Raja Arab Saudi, Raja Abdullah Abdul Aziz yang mangkat pada Jumaat.

Beliau memendekkan lawatan beliau ke Forum Ekonomi Dunia di Davos, Switzerland berikutan kemangkatan Raja Abdullah.

**BERNAMA**